

12 JAN 1998

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN PADA 26 JAN

KOTA BAHARU, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini pada 26 Jan ini.

Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan akan turut berbuka puasa bersama-sama 1,500 tetamu termasuk Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, serta barisan anggota Exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir juga dijangka menyampaikan ucapan pada majlis berbuka puasa itu yang diadakan di kediaman Annuar di Ketherah, dekat sini.

Annuar berkata Dr Mahathir dijangka tiba di lapangan terbang di sini pada pukul 2.45 petang akan diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri dan isteri dijangka balik ke Kuala Lumpur malam itu juga. -- BERNAMA

RAR MAI